

SOALAN NO: 17

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KELIMA,

PARLIMEN KETIGA BELAS,

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB DATUK HAJAH NORMALA BINTI ABDUL SAMAD

TARIKH: 25 JULAI 2017

SOALAN:

Datuk Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah syarat-syarat kelayakan bagi tuntutan pencen ilat dan pencen penakat serta jumlah penerima pencen tersebut mengikut negeri.

PR-1352-L02249

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Syarat-syarat kelayakan permohonan Pencen Ilat adalah seperti berikut:

- i) Orang berinsurans (OB) belum mencapai umur 60 tahun pada tarikh Notis Ilat diterima. Sekiranya telah mencapai umur 60 tahun, OB perlu buktikan keilatan telah berlaku sebelum mencapai umur 60 tahun dan mereka tidak lagi bekerja sehingga mencapai umur tersebut,
- ii) Disahkan ilat oleh Jemaah Doktor atau Jemaah Doktor Rayuan dan
- iii) Memenuhi syarat kelayakan caruman yang ditetapkan di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4).

2. Manakala syarat-syarat kelayakan permohonan Pencen Penakat pula adalah seperti berikut:

- i) Orang berinsurans meninggal dunia sebelum mencapai umur 60 tahun,
- ii) Telah memenuhi syarat kelayakan caruman yang ditetapkan di bawah Akta 4 atau
- iii) Meninggal dunia semasa sedang menerima Pencen Ilat tanpa mengambil kira had umur.

Tuan Yang Di Pertua,

3. Jumlah penerima faedah Pencen Ilat dan Pencen Penakat mengikut negeri sehingga 31 Disember 2016^P adalah seperti di Jadual 1:

Jadual 1

NEGERI	PENCEN ILAT	PENCEN PENAKAT
PERLIS	10,585	25,613
KEDAH	6,329	20,475
PULAU PINANG	5,543	19,054
PERAK	10,585	25,613
SELANGOR	11,434	45,535
KUALA LUMPUR	5,495	23,686
MELAKA	2,157	9,385
NEGERI SEMBILAN	2,703	12,872
JOHOR	5,282	33,551
PAHANG	2,448	11,462

TERENGGANU	841	7,991
KELANTAN	1,326	8,990
SARAWAK	2,360	16,397
SABAH	1,597	12,352
JUMLAH	58,436	249,018

Sumber : Cawangan Aktuari dan Statistik, Pertubuhan Keselamatan Sosial

Nota : p - Statistik sehingga Disember 2016 belum diaudit